



**MAJLIS DAERAH KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN
TEL : 04-9183300 / 04-9183309
FAKS : 04-9174057**

**BAHAGIAN KESIHATAN
UNIT PELESENAN**

SYARAT-SYARAT KEDAI PENDANDAN / GUNTING RAMBUT

1. Menyediakan alat pemadam api jenis debu kering seperti yang diiktirafkan oleh SIRIM dan disahkan di Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia.
2. Semua pekerja hendaklah menjalankan pemeriksaan dan pancaran X-Ray.
3. Rumah atau tempat bagi kedai kerinting rambut, alat perkakas dan kelengkapannya dijaga supaya sentiasa dalam keadaan bersih.
4. Hendaklah menyediakan alat bekalan air panas dan sejuk yang mencukupi.
5. Sebuah tong sampah bertudung hendaklah disediakan bagi mengisi rambut.
6. Bekas-bekas bertudung yang berasingan hendaklah disediakan bagi menyimpan tuala muka dan kain pelindung selepas digunakan.
7. Ketika menyelenggarakan pelanggan tukang memotong rambut hendaklah memakai baju atau pakaian kerja yang bersih dan berpadanan berwarna putih atau warna muda berserta overall.
8. Sebelum menyelenggarakan pelanggan, tiap-tiap tukang memotong hendaklah mencuci betul-betul tangannya dengan air yang bersih serta sabun.
9. Ditegah mana-mana orang berpenyakit berjangkit menolong dalam hal mengurus pekerjaan memotong rambut.
10. Tuala muka hendaklah direndam di dalam air panas mendidih atau dipanaskan dengan wap sekurang-kurangnya 5 minit dan dibasuh sebelum digunakan.
11. Tuala muka, pelindung leher, kain leher, dan lain-lain kain yang bersentuh dengan kulit pelanggan hendaklah bersih dan elok bagi setiap pelanggan.
12. Semua berus, sikat, pisau cukur, gunting dan lain-lain perkakasan hendaklah dijaga dalam keadaan bersih.
13. Bekas-bekas yang digunakan untuk mengisi buih sabun ketika bercukur hendaklah dituang serta merta selepas digunakan dan dibasuh dengan air panas.
14. Mengadakan pelekat atau papan kenyataan " **DITEGAH MELUDAH** " dan dipamerkan di dalam ruangan kedai.